

## **Manasik Haji Wanita: Ihram Dan Talbiyah**

Oleh

**Dayang Hajah Zaliha binti Haji Ibrahim**  
**(Daie Bertauliah MUIB)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### **1. Pendahuluan**

Perjalanan haji dan umrah kaum wanita memerlukan panduan yang digariskan oleh al-Qur'an, Sunnah Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dan pandangan ulama mengenainya. Justeru kaum wanita boleh menggabungkan dua amal salih iaitu kewajipan haji dan jihad sabillah yang merupakan amalan yang utama bagi mereka. Martabat wanita dalam ibadat juga mendapat kemuliaan di sisi Allah sama setanding dengan kaum lelaki sebagaimana yang termaktub dalam surah al-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطْبِعُونَ الْمَسْجِدَاتِ أُولَئِكَ سَيِّرَ حُمُمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

*"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan milarang daripada berbuat kejahanatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".*

Sehubungan itu, memandangkan rukun haji merupakan tunggak dan pasak dalam kesahan dan kesempurnaan manasik haji, manakala Ihram adalah salah satu rukun pertama dalam rukun haji dan umrah, maka penulis ini ingin membincangkan ihram wanita dan talbiyah agar para jemaah haji wanita akan dapat mengetahui lebih terperinci mengenai ihram dan yang berkaitan dengannya.

Dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dari Sayyidah Aisyah radiallahu anha bahawa Aisyah pernah bertanya kepada Rasulullah sallahu alaihi wasallam, katanya: “*Ya Rasulullah! Menurut hemat kami, jihad adalah amalan yang paling utama dari segala amal. Bolehkah kami turut berjihad?*” Rasulullah sallahu alaihi wasallam menjawab: “*Bahkan jihad yang paling utama ialah haji yang mabrur*”.

Hadith ini menyatakan dengan tegas bahawa kaum wanita tidak diwajibkan berjihad seperti kaum lelaki, selagi tenaga mereka itu tidak benar-benar diperlukan. Namun sekiranya mereka ingin memperolehi pahala jihad, maka ia dapat digantikan dengan haji mabrur. Bagaimanapun jika keadaan begitu mendesak dan terpaksa misalnya jika orang-orang kafir telah memasuki dan menyerang negara Islam, maka berjihad itu menjadi wajib hukumnya bagi setiap orang yang mempunyai kesanggupan. Oleh itu bagi memperolehi haji mabrur yang ganjarannya serupa jihad fi sabilillah, adalah suatu penghormatan dan penghargaan kepada kaum wanita, maka sudah sewajarnya, mereka memerlukan ilmu dan kefahaman yang baik serta penghayatan yang padu untuk meraih haji mabrur yang besar ganjarannya seperti jihad fi sabilillah.

Dalam hadith lain ada diriwayatkan pula oleh Ibnu Khuzaimah di dalam kitab Sahihnya, bahawa Sayyidah Aisyah radiallahu anha bertanya kepada Rasulullah sallahu alaihi wasallam: “*Ya Rasulullah! Tidak wajibkah bagi wanita turut berjihad (berperang)?*” Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menjawab: “*Jihad yang diwajibkan bagi mereka tidak berperang, tetapi haji dan umrah.*”

Hadith di atas menyebut gandingan haji dan umrah dapat menghasilkan pahala berjihad, khususnya bagi golongan wanita. Rasulullah shallallahu alaihi wasallam bersabda: “*Haji dan umrah itu merupakan jihad kaum wanita*”. Kaum wanita ditingkatkan pahala haji mabrur dengan tingkatan jihad terutama jika mereka mengerjakan haji dan umrah dengan ikhlas dalam beramal, mendalami hukum-hakam manasik haji, menghayati falsafah dan hikmah haji dengan kefahaman yang sebenar.

Firman Allah dalam surah al-Hajj menyatakan:

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رُفَّثَ وَلَا فُسْوَقَ وَلَا جِدَالٌ فِي الْحَجَّ وَمَا تَفْعَلُوا  
مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَرَوُدُوا فَلَئِنْ خَيْرُ الرَّازِدِ الشَّفْوَى وَأَتَقُونُ يَا أُولَئِكَ الْأَتَابِ

*“(Musim) haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi, barang siapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tidak boleh rafats, berbuat fasik dan berbantah-bantahan di dalam masa mengerjakan haji. Dan apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, niscaya Allah mengetahuinya. Berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah takwa dan bertakwalah kepada-Ku hai orang-orang yang berakal.” (QS. Al Baqarah:197).*

Dalam kitab Tafsir Ibnu Kathir menjelaskan huraiyan ayat di atas bahawa barang siapa yang berihram haji atau umrah, maka hendaklah ia menghindari rafats (mencampuri isteri, mencium atau kedipan mata atau kata-kata kotor kepadanya), tidak boleh melakukan segala perbuatan maksiat dan tidak boleh berbantah-bantahan atau bertengkar pada waktu haji dalam mengerjakan manasik. Ada dinyatakan dalam satu riwayat yang bermaksud: *“Barangsiapa yang telah menyempurnakan manasiknya dan kaum Muslimin selamat dari lidah dan tangannya, maka ia kan diberikan keampunan atas dosa-dosa yang lalu”*.

Kemudian setelah Allah melarang mereka melakukan hal-hal yang buruk, baik melalui lisan dan perbuatan, Dia (Allah) memerintahkan mereka berbuat kebaikan seraya memberitahukan bahawa Dia mengetahuinya dan akan memberikan pahala sebanyak-banyaknya atas semua itu pada hari Kiamat kelak. Setelah Allah subhanahu wa ta’ala menyuruh mereka membekali diri dalam melakukan perjalanan dunia, Dia membimbang mereka untuk membekali diri menuju akhirat iaitu bekalan taqwa yang mana ia adalah sebaik-baik bekalan. Kemudian ayat ini diakhiri dengan firman-Nya; takutlah akan hukuman seksa dan azab Allah bagi orang-orang yang menentang-Nya, dan tidak muhu menjalankan perintah-Nya, wahai orang-orang yang berakal dan dapat memahami.

Dari itu, sudah setentunya para jemaah haji khususnya kaum wanita perlu mendalmi hukum-hakam manasik haji dengan meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa agar kebaikan dan manfaat haji diperolehi, sekaligus impian, harapan dan cita-cita untuk mendapat syurga yang dijanjikan melalui haji mabrur akan dapat diraih dan dimiliki, in shaa Allah.

## 2. Definisi Ihram

Ihram termasuk salah satu rukun haji dan umrah. Ia adalah permulaan masuk manasik haji, tiap-tiap ibadat mempunyai ihram dan tahallul (awal dan akhir). Maka ihram adalah awal bagi ibadat haji yang merupakan rukun, seperti takbir al-ihram (تكبيرة الإحرام) bagi solat yang yang merupakan rukunnya.

Dari segi bahasa, ihram adalah niat untuk melaksanakan perintah pengharaman. Dikatakan ahrama al-rajul (أَحْرَمَ الرَّجُلَ) (lelaki itu memasuki tanah haram (Makkah). Menurut pengertian dari segi istilah, ihram bermaksud niat untuk mula menunaikan ibadah haji atau umrah atau keduanya sekaligus. Orang yang berihram bermakna telah mengharamkan diri dari setiap perkara yang sebelumnya dihalalkan baginya, seperti berkahwin, bersetubuh, memakai wangian dan sebagainya. Niat ihram tidak perlu diucapkan dengan lisan. Niat berada dalam hati, dan ihram adalah niat dengan hati. Lebih afdal, menurut kebanyakan ulama, mengucapkan apa yang diniatkan. Rasulullah shallallahu alaihi wasallam bersabda,

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرٍ مَا نُوِيَّ...

*"Sesungguhnya amal perbuatan itu bergantung pada niatnya dan setiap orang akan dibalas sesuai dengan apa yang diniatkannya".* (HR Bukhari dan Muslim)

Pendapat seperti ini dikemukakan oleh Syafie dan berlandaskan pada sebuah riwayat dari Aisyah yang berkata, "Kami keluar (untuk menunaikan ibadah haji atau umrah) bersama Rasulullah sambil mengucapkan kalimat talbiyah tanpa menyatakan perkataan 'haji atau 'umrah". (HR Muslim)

Atas dasar ini, niat ihram dilakukan sebelum rangkaian manasik haji dimulakan, sebahagian fuqaha tidak mempersoalkan lafaz niat ihram dengan lisan untuk menghilangkan rasa ragu-ragu di dalam hati. Ibnu al-Hamman dalam Fath al-Qadir mengatakan, "salah seorang perawi mengatakan bahawa dia pernah mendengar Rasulullah shallallahu alaihi wasallam bersabda, *"aku menunaikan ibadah haji"*". Fuqaha mazhab Hanafi bahkan mengatakan sunnah melafazkan niat ihram dengan lisan seperti misalnya, *"Ya Allah sesungguhnya aku mahu menunaikan haji dan umrah, ya Allah, berikanlah kemudahan dan terimalah haji dan umrahku."*

Setelah Ihram dimulakan dengan niat di miqat zamani dan makani, maka orang yang berihram hendaklah melakukan solat fardhu atau solat sunat, kemudian diteruskan dengan lafaz talbiyah. Menyahut panggilan Tuhan yang menyeru manusia mengerjakan haji melalui firman Allah dalam surah al-Hajj.

وَأَذْنُ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجَّ عَمِيقٍ

*"Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan mengendarai unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh,"* (a-Hajj : 27)

Dalam Tafsir al-Jalalain menyatakan ayat di atas bahawa Allah berfirman kepada Nabi Ibrahim alaihissalam supaya menyeru kepada manusia untuk mengerjakan haji. Kemudian Nabi Ibrahim alaihissalam naik bukit Abu Qubais, lalu baginda berseru, "Hai manusia, sesungguhnya Tuhanmu telah membina Baitullah dan Dia telah mewajibkan kamu untuk melakukan haji, maka sambutlah seruan Tuhanmu ini." Lalu Nabi Ibrahim alaihissalam menolehkan wajahnya ke kanan dan ke kiri, serta ke timur dan ke arah barat. Maka menjawablah semua orang yang telah ditentukan baginya dapat mengerjakan haji daripada tulang-tulang sulbi dan rahim-rahim kaum wanita sambil mengatakan *"لَبِيكَ اللَّهُمَّ لَبِيكَ"* وَأَذْنُ (itu ertiya, ya Allah, kami penuhi panggilan-Mu, sedangkan jawapan amr (perintah) ialah *يَأْتُوكَ رِجَالًا* nescaya mereka akan datang kepada-Mu dengan berjalan kaki.

### 3. Adab-adab Ihram

Padanya terdapat pelbagai permasalahan:

**Pertama:** Mengikut sunnah hendaklah mandi sebelum ihram, di mana dia niatkan mandi ihram dan sunat bagi setiap yang sah ihramnya termasuk juga wanita dalam haidh, nifas dan kanak-kanak. Jika seorang wanita yang dalam haidh, dapat tinggal di miqat hingga suci dan mandi, kemudian dia berihram, maka itu lebih afdal. Seterusnya sah bagi wanita haidh dan nifas melakukan semua amalan haji kecuali tawaf dan solat sunat dua rakaat.

Jika seseorang yang berada dalam ihram tidak mampu mendapatkan air, maka bolehlah dia bertayammum. Jika dia terjumpa air, tetapi tidak mencukupinya kerana mandi, hendaklah dia berwudhu, kemudian dia bertayammum. Jika dia meninggalkan mandi serta keharusannya untuk menggunakan air, maka hukumnya makruh dan sah ihramnya.

**Kedua:** Sunat seorang yang hendak berihram menyempurnakan dengan membersihkan diri, mencukur bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, menggunting misai, memotong kuku dan seumpamanya.

**Ketiga:** Basuh kepalanya dengan air campuran daun bidara atau atau *خطمي* (sejenis tumbuhan yang digunakan untuk basuh kepalanya) atau seumpamanya.

**Keempat:** Menanggalkan pakaian yang diharamkan kepada yang berihram memakainya dan memakai kain lepas bawah dan atas (bagi lelaki). Yang afdal kedua-duanya berwarna putih, baru dan bersih. Makruh dicelupkannya dengan warna. Memakai dua selipar kemudian memakai wangian. Yang lebih utama hanya terbatas pada wangian badannya tanpa pakaianya. Begitu juga dengan menggunakan kasturi. Yang afdalnya dicampurkan dengan air mawar atau seumpamanya untuk menghilangkan jirimnya (zatnya). Hukumnya harus dengan apa yang masih kekal. Baginya harus dia memakai pakaian tersebut sekalipun masih kekal baunya selepas ihram mengikut mazhab yang sahih.

Jika berpindah wangian selepas ihram daripada tempat kepada tempat lain dengan sebab peluh dan seumpamanya. Nescaya tidak memberi mudharat dan kesan yang tidak dikenakan fidyah ke atasnya mengikut pendapat yang asah. Ada pendapat mengatakan dia dia dikenakan fidyah jika dia tinggalkan selepas berpindah. Kalau dia sendiri memindahkan dengan pilihannya atau dia membuka pakaianya yang mempunyai wangian kemudian dia pakainya. Nescaya mesti dikenakan baginya fidyah mengikut pendapat yang asah. Sama ada apa yang dinyatakan ini daripada wangian untuk lelaki maupun perempuan.

Sunat bagi perempuan melumuri pada kedua belah tangannya sebelum ihram dan menyapu mukanya dengan sedikit daripada inai bertujuan menutup warna kulit kerana ia diperintah untuk membukanya. Sama ada sunat melumuri itu untuk perempuan yang sudah berkahwin atau lainnya daripada wanita muda dan yang tua. Apabila dilumuri hendaklah diratakan hingga kedua-dua tangannya. Makruh jika menjadikannya pada sebelah tepi sahaja iaitu dengan melumuri sebahagian jari-jari dan makruh baginya melumuri selepas ihram.

**Kelima:** Selepas dilakukannya, hendaklah orang berihram, melakukan solat sunat dua raka'at. Niat solat sunat ihram. Dibaca selepas surah al-Fatihah pada raka'at pertama dengan surah

al-Kafirun dan pada rakaat kedua dengan surah al-Fatihah dan al-Ikhlas. Jika di sana terdapat masjid, bolehlah solat keduanya. Jika dia ihyram pada waktu solat, nescaya memadai daripada dua raka'at solat sunat ihyram. Kalau dia mengerjakan solat sunat yang lain daripada solat fardhu, maka hukumnya lebih afdal. Jika dia berihram pada waktu makruh solat, hukumnya tidak perlu solat mengikut pendapat yang asah. Sunat dia mentakhirkan ihyram hingga keluar waktu makruh.

**Keenam:** apabila dia solat, ihyram dan waktu lebih afdal ihyram terdapat dua pendapat bagi Imam Syafie:

1. Yang paling afdal, hendaklah ia ihyram selepas solat dalam keadaan duduk.
2. Dia ihyram apabila mula perjalanan dalam keadaan menaiki kendaraan dan berjalan.

Inilah pendapat yang sahih. Sesungguhnya telah thabit pada hadith secara muttafaq alaihi dan hadith yang datang menyokong pendapat yang pertama terdapat dhaif.

Sunat dia mengadap ke arah kiblat ketika berihram. Adapun penduduk Makkah, yang afdal ihyram daripada pintu rumahnya, manakala dia solat dua rakaat di rumahnya kemudian ihyram daripada pintu rumahnya...

#### **4. Sifat Ihram dan Selepasnya**

Sifat ihyram hendaklah orang yang berihram itu berniat dalam hatinya untuk melakukan ibadat haji dan memakai pakaian ihyram. Jika dia ingin melakukan umrah, hendaklah dia berniat mengerjakan umrah. Jika dia melakukan haji Qiran, hendaklah dia berniat haji dan umrah serentak. Yang wajib hendaklah dia berniat ini dalam hatinya dan tidak wajib bertaflafuz dengan niat dan talbiyah. Tetapi lebih afdal dinampakkan kata-kata dan talbiyah kerana sebahagian ulama' berkata: "*Tidak sah ihyram hingga dia talbiyah*". Inilah pendapat sebahagian ashab al-Syafie rahimahumullah. Yang Ihtiyatnya (waspada dan berhati-hatihati) dia hendaklah berniat dalam hati dan berkata dengan lisannya dalam keadaan menghadirkan niatnya seperti:

نويت الحج وأحرمت به لله تعالى، لبيك اللهم لبيك

"Sahaja aku menuaikan haji dan berihramlah aku dengannya kerana Allah Ta'ala.  
Ya Allah, hamba-Mu datang menyahut seruan-Mu."

Jika dia melakukan haji untuk orang lain, hendaklah dia berkata:

نويت الحج عن فلان وأحرمت به لله تعالى عنه، لبيك اللهم لبيك

"Sahaja aku menuaikan haji untuk si fulan dan berihramlah aku dengannya kerana Allah Ta'ala. Ya Allah, hamba-Mu datang menyahut seruan-Mu."

Syeikh Abu Muhammad al-Juwaini berkata: Sunat dinamakan dalam talbiyah itu, apa jenis ihramnya sama ada haji atau umrah, maka dia berkata:

لَبِيكَ اللَّهُمَّ بِحَجَّةٍ... إِلَى آخِرِهِ

*"Ya Allah, hamba-Mu datang menyahut seruan-Mu dengan ibadat haji Ya Allah aku menyahut seruan-Mu... sehingga ke akhirnya".*

لَبِيكَ اللَّهُمَّ بِعُمْرَةٍ أَوْ بِحَجَّةٍ وَعُمْرَةٍ

*"Ya Allah, hamba-Mu datang menyahut seruan-Mu dengan ibadat umrah. Atau dengan ibadat haji dan umrah."*

Katanya: Tidak perlu menyaringkan talbiyah ini, tetapi memadai dirinya sahaja, berlainan selepas itu daripada talbiyah, dia boleh menyaringkan.

## 5. Menyediakan Pakaian Ihram

Di antara sunnah yang perlu dilakukan wanita yang mahu menunaikan fardhu haji adalah menyediakan pakaian ihram. Pakaian ihram disarankan baru dan tidak disyariatkan mempunyai warna tertentu. Maknanya, dia boleh memilih warna apa saja yang disukainya asalkan tidak bermotif dan sesuai digunakan. Diriwayatkan dari Ibnu Umar, "Aku pernah mendengar Rasulullah melarang golongan wanita yang mahu berihram memakai dua sarung tangan, menutup muka dan baju yang ditaburi minyak za'afaran dan waras. Mereka boleh memakai pakaian warna apa pun sesuka hatinya, baju kurung, perhiasan, seluar dan gamis." (HR Ahmad)

Walau bagaimana pun, warna putih lebih diutamakan dan lebih sesuai jika digunakan untuk ihram. Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Rasulullah shallallahu alaihi wasallam "Sebaik-baik baju kamu semua adalah berwarna putih. Kenakanlah semasa kamu masih hidup dan gunakanlah untuk mengafarkan orang yang mati di kalangan kamu semua." (HR Ibnu Majah, al-Tabrani dan al-Nasa'ie). Sedangkan warna putih mewakili kesucian dan menyimbulkan kebersihan hati. Jemaah haji wanita juga dibenarkan memakai tudung khusus asalkan tidak menimbulkan fitnah dan menarik perhatian. Hanya, mereka dilarang terlalu sibuk dalam memilih jenis, corak dan tenunan tudung tersebut hanya menunjuk-nunjuk dan berhias. Semua ini sudah terpesong dari tujuan utama ihram, iaitu mengadap ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala.

Telekung kapas berwarna putih yang menutup seluruh tubuh wanita dan penutup kepala yang terdiri dari selendang dan tudung panjang amat sesuai bagi wanita yang sedang berihram. Sebabnya, kain kapas berwarna putih boleh menyerap peluh lebih banyak dan memantulkan panas terik matahari.

Menurut fuqaha mazhab Syafie, mandi disunnahkan pada beberapa kesempatan, di antaranya adalah semasa mahu melakukan ihram, masuk ke kota Makkah, wukuf di Arafah,

wukuf di Muzdalifah dan semasa melontar jamrah. Alasannya beberapa kesempatan ini menjadi waktu berkumpulnya semua jemaah haji.

Diriwayat dari Qasim ibn Muhammad Qasim mengatakan bahawa Asma binti Umays melahirkan Muhammad ibn Abu Bakar di daerah Bayda. Abu Bakar kemudian menceritakan bahawa perkara ini kepada Rasulullah shallallahu alaihi wasallam lalu bersabda, “*Suruhlah dia mandi lalu bertahallu*”. (HR Muslim dan al-Nas’i).

Dalam riwayat lain, ada perintah Rasulullah shallalahu alaihi wasallam kepada Aisyah yang sedang haidh agar mandi terlebih dahulu sebelum melakukan tahallul. (HR Bukhari dan Muslim). Sebahagian fuqaha juga berpendapat bahawa mandi sebelum melakukan ihram tidaklah wajib.

Terdapat dalil yang diriwayatkan dari al-Athram, Beliau mengatakan bahawa dia pernah mendengar seorang lelaki berkata kepada Abu Abdillah, “Sebahagian penduduk mengatakan bahawa orang yang mandi sebelum berihram perlu dikenakan dam (denda). Mereka menyatakan perkara ini berdasarkan pada sabda Nabi shallallahu alaihi wasallam kepada Asma yang sedang mengalami nifas ketika mahu berihram. “Mandilah.” Mendengar perkataan ini, Abu Abdullah terus terkejut.

Diceritakan juga sebelum melakukan ihram, Ibnu Umar kadang kala mandi terlebih dahulu dan kadang kala cukup berwudhu sahaja. Oleh yang demikian, tidak wajib mandi sebelum ihram kecuali bagi wanita yang datang haidh atau nifas. Adapun mandi sebelum berihram bertujuan untuk membersihkan diri dari kotoran dunia dan mempunyai beberapa manfaat yang besar pada kesihatan. Di samping itu, mandi sebelum berihram boleh mengurangkan penyakit yang boleh berjangkit kepada orang lain dari satu tempat semasa rangkaian manasik haji.

Suci tidaklah termasuk salah satu syarat sah berihram untuk menunaikan haji dan umrah. Wanita yang sedang haidh atau nifas tetap boleh melakukan ihram. Oleh yang demikian, seluruh rangkaian manasik haji yang dilakukanya tetap sah kecuali tawaf.

Adapun dalil mengenai sahnya ihram wanita yang sedang haidh adalah sebuah riwayat dari Jabir. Jabir berkata, “Aku pernah bersama Aisyah semasa dia berniat ihram untuk menunaikan umrah. Ketika kami sampai di Sarif, tiba-tiba dia datang haidh. Rasulullah shallallahu alaihi wasallam menemuinya dan mendapatinya beliau sedang menangis. Baginda bertanya, “*Mengapa denganmu?*” dia menjawab, “*Aku sedang haidh, Orang sudah bertahallul dan tawaf di Baitullah, bahkan sekarang ini mereka sedang pergi haji.*” Baginda lalu bersabda, “*Sesungguhnya masalah ini (haidh) sudah merupakan ketentuan Allah subhanahu wa ta’ala pada setiap perempuan anak cucu Adam. Mandilah, lalu berihramlah untuk haji*”. (HR Bukhari dan Muslim).

Dalil seterusnya adalah mengenai sahnya ihram wanita yang sedang mengalami nifas. Diriwayatkan oleh Aisyah bahawa Asma binti Umays baru saja melahirkan anak dari Muhammad ibn Abu Bakar. Nabi shallallahu alaihi wasallam kemudian mengutuskan Abu Bakar untuk menyuruh Asma’ agar mandi dan terus berniat ihram.. Teks berbeza yang diriwayatkan oleh al-Nasie dari Asma’ yang berkata, “*Aku mengutuskan seseorang untuk*

*bertanya kepada Nabi shallallahu alaihi wasallam mengenai apa yang perlu aku lakukan". Baginda lalu bersabda, "Mandilah, kemudian berniatlah ihram."*

Dalil mengenai sahnya seluruh rangkaian manasik haji kecuali tawaf yang dilakukan yang sedang haidh dan nifas adalah hadis riwayat Ibnu Abbas. Rasulullah shallallahu alaihi wasallam bersabda, "*Wanita yang sedang mengalami nifas dan haidh ketika sudah sampai di miqat hendaklah mandi, berniat ihram dan melakukan semua manasik haji selain tawaf di Baitullah.*"

Persoalan lain yang tidak kurang pentingnya adalah ihramnya wanita yang mengalami istihadah (keluarnya darah secara terus menerus; darah penyakit). Bagi wanita yang mengalami istihadah, ihramnya sama seperti wanita biasa yang sihat. Oleh yang demikian, sebelum berniat ihram, dia hendaklah mandi, kemudian solat dan segera melakukan ihram. Di samping itu, dia hendaklah berwudhu terlebih dahulu sebelum melakukan setiap manasik haji atau umrah.

Pada asasnya, dia perlu mengutamakan kebersihan dan kesucian seboleh mungkin, dia perlu berusaha agar baju atau pakaianya sentiasa suci dan tidak terkena najis. Jika itu dapat dilakukan, maka dia akan merasa bersedia untuk melakukan setiap manasik yang sudah menunggunya.

## **6. Menetapkan Syarat Dalam Ihram**

Menurut kitab al-Fiqh al-Islam wa adillatuhu menyatakan bahawa mazhab Syafie dan Hambali membolehkan penetapan syarat dalam ihram iaitu syarat untuk bertahallul, apabila mengalami halangan; sakit dan sebagainya. Seseorang itu tidak boleh bertahallul jika tidak di sebutkannya syarat ini:

Dhuba'ah binti Zubair pernah berkata: "*Wahai Rasulullah, saya sedang sakit berat tapi saya ingin menunaikan haji, apa yang tuan sarankan?*" Baginda bersabda: "*Berihramlah, dan tetapkan syarat begini: tempatku bertahallul adalah tempat engkau menahanku.*" Ibnu Abbas berkata; akhirnya Dhuba'ah berhasil jua menyelesaikan hajinya.

## **7. Kalimat Talbiyah**

Kalimat Talbiyah ialah ucapan yang dilafazkan sebagai tanda menjawab panggilan Allah subhanahu wa ta'ala yang memanggil hambaNya dengan perantaraan Nabi ibrahim alaihissalam untuk berhaji.

Talbiyah dikumandangkan tiada henti oleh setiap jemaah haji ketika mereka sudah dalam keadaan ihram sehingga melontar jamrah Aqabah. Inilah lafaz talbiyah yang disunnahkan oleh Rasulullah shallallahu alaihi wasallam.

**لَبِيكَ اللَّهُمَّ لَبِيكَ، لَبِيكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبِيكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ الْمَلْكُ لَا شَرِيكَ لَكَ...**

*“Kami datang memenuhi panggilan-Mu ya Allah, kami datang memenuhi panggilan-Mu, tidak ada sekutu bagi-Mu. Sesungguhnya segala puji dan kebesaran untukmu semata-mata, seluruh kerajaan adalah milik-Mu dan tidak ada sekutu bagi-Mu.”*

Bagi jemaah yang mahu menunaikan umrah, kalimat talbiyah dikumandangkan setelah mereka berihram dan sebelum sehingga sesudah mereka melakukan tawaf.

Kalimat talbiyah ini memiliki teks tambahan sebagaimana diriwayatkan oleh Nafi' dari Ibnu Umar. Teks tersebut adalah seperti di bawah ini

**لبيك، لبيك وسعديك والخير بين يديك، لبيك والرغباء إليك والعمل**

*“Kami datang memenuhi panggilan-Mu dan semua kebaikan berasal dari sisi-Mu. Kami datang memenuhi panggilan-Mu, kami adalah orang yang hanya cinta kepada-Mu dan akan beribadah untuk-Mu semata-mata.”*

Manakala sebahagian besar fuqaha tidak mempersoalkan teks tambahan ini. Yang jelas, setiap jemaah hendaklah menghayati dan merenungkan makna talbiyah sehingga kalimat tersebut mempunyai semangat, dapat memberi kesan pada hati dan dapat menambah keikhlasan dalam beribadah. Inilah kunci bagi pintu cahaya, rahsia dan petunjuk ilahi.

## **8. Hukum Bertalbiyah**

Melafazkan kalimat talbiyah secara terus menerus amat digalakkan dan disunnahkan semasa keadaan ihram. Demikian dikatakan oleh Syafie dan Ahmad. Diriwayatkan dari Khalid ibn al-Sa'ib bahawa Rasulullah shallallahu alaihi wasallam bersabda, *“Suatu ketika Jibril datang padaku dan berkata, wahai Muhammad, perintahkanlah para sahabatmu agar menguatkan suaranya dalam bertalbiyah, kerana itu merupakan sebahagian dari syiar ibadah haji”*. (HR Ibnu Majah).

Diriwayatkan bahawa Malik pernah mendengar pernyataan sebahagian ulama, disunnahkan membaca talbiyah pada setiap akhir solat dan di setiap jengkal tanah di bumi (HR Tirmidzi).

## **9. Tafsir Makna Talbiyah**

Talbiyah mempunyai makna yang agung, kerana mengandungi nilai tauhid dan kebesaran Allah subhanahu wa ta'ala. Hal ini dapat dilihat dari makna kata-kata dalam talbiyah tersebut, sebagaimana yang berikut ini:

(الله): Wahai Allah!

(لبيك): Adalah penegas yang mempunyai makna baru, maka daku mengulang-ulangi dan menegaskan bahawa daku menjawab atau menerima panggilan Tuhan (Rabb) dan tetap dalam ketaatan kepada-Nya.

(لا شريك لك): Tiada satu pun yang menyekutukan Allah subhanahu wa ta'ala dalam segala sesuatu.

(لبيك): Sebagai penegas bahawa daku menyahut panggilan Haji itu hanya semata-mata kerana Allah, bukan kerana pujian, ingin terkenal, ingin harta, dan lain-lain, akan tetapi daku berhaji dan menerima panggilan tersebut kerana Engkau sahaja.

(إن الحمد و النعمة لك والملك): Sesungguhnya daku berikrar dan mengakui bahawa semua pujian, nikmat dan kekuasaan itu hanyalah milik-Mu sahaja. Perkataan nikmat memberi banyak makna, antaranya ialah nikmat apa yang diqasadkan untuk ihsan dan manfaat. Nikmat dapatkan sesuatu atau kurniaan. Nikmat pada syara'nya apa yang dapat berlazatan dengannya daripada perkara halal. Nikmat juga berupa segala manfaat sama ada di dunia dan di akhirat. Antara nikmat yang paling besar ialah iman, Islam, taufik, hidaya, akal, kesihatan, kekayaan. Kelapangan dan lain-lain.

(لا شريك لك): Dan kesemua itu tidak ada sekutu bagiMu.

Jika diteliti makna kata-kata yang ada dalam talbiyah tersebut, didapati adanya penetapan tauhid dan jenis-jenisnya, sebagaimana disampaikan oleh Jabir berkata:

**فَأَهْلَ بِالْتَّوْحِيدِ**

*(Rasulullah shallallahu alaihi wasallam bertalbiyah dengan tauhid).*

Hal ini nampak jelas, apabila kita mentelaah dan memahami makna kata-kata tersebut, perhatikanlah dalam kata-kata (لبيك اللهم لبيك لا شريك لك لبيك) menghapuskan kesyirikan dalam ibadah, kemudian (والملك لا شريك لك) terdapat Tauhid Rububiyyah kerana kita telah menetapkan kuasa yang mutlak hanya kepada Allah subhanahu wa ta'ala semata.

Hal ini juga menuntut seorang hamba untuk mengakui tauhid uluhiiyyah, kerana iman kepada tauhid rububiyyah memerlukan iman kepada tauhid uluhiiyyah dan dalam kata (إن الحمد و النعمة لك) terdapat penetapan sifat-sifat terpuji pada zat Allah. Juga menetapkan semua perbuatan Allah subhanahu wa ta'ala adalah hak. Ini semua merupakan tauhid asma' dan sifat Allah subhanahu wa ta'ala .

Kalau demikian, orang yang bertalbiyah dituntut selalu merasakan keagungan Allah subhanahu wa ta'ala dan selalu menyerahkan amal ibadahnya hanya kepada Allah subhanahu wa ta'ala semata, bukan hanya sekadar mengucapkannya tanpa dapat merasakan hakikat dari talbiyah tersebut.

## 10. Cara Membacanya

Talbiyah ini dibaca dengan mengeraskan suara bagi kaum lelaki dengan syarat tidak mengganggu orang yang solat atau beribadat sebagaimana hadith menyatakan:

## **أَتَنِي جَبْرِيلُ فَأُمِرْتُ أَنْ آمِرَ أَصْحَابِيَّ أَنْ يَرْفَعُوا أَصْوَاتِهِمْ بِالْإِهْلَالِ أَوِ التَّلْبِيَّةِ**

*“Telah datang kepadaku Jibril dan dia memerintahkan aku untuk memerintahkan sahabat-sahabatku agar mengangkat suara-suara mereka ketika bertahlil dan bertaibiyah.”* (Hadith diriwayatkan oleh At Tirmidziy, Abu Daud dan Ibnu Majah)

Oleh kerana itu, para sahabat Rasulullah mengeraskan suaranya dalam bertaibiyah hingga kehilangan suara sebelum sampai di kota Makkah, sebagaimana dikisahkan Abu Haazim:

## **كَانَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ إِذَا أَحْرَمُوا لِمْ بَيْلَغُوا الرُّوحَاءَ حَتَّىٰ تَبَعَ أَصْوَاتُهُمْ**

*“Para sahabat Rasulullah jika berihram (bertalbiyah) belum sampai Rauha' telah serak suara mereka.”* (Diriwayatkan oleh Said bin Manshur)

Sabda Rasulullah shallallahu alaihi wasallam dari Ummi Salamah radiallahu anha katanya: *“Saya mendengar Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Wahai keluarga Muhammad! Sesiapa berhaji, maka hendaklah dia membaca Talbiyah dengan suara yang nyaring untuk hajinya.”* (Hadis Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah).

Manakala kaum wanita tidak disunatkan mengangkat suara bahkan mereka diharuskan untuk merendahkan suara mereka dalam bertaibiyah. Namun begitu mereka masih boleh menguatkan suara ketika bertaibiyah jika tidak menimbulkan sebarang fitnah. Mereka amat disunnahkan mengucapkan kalimat talbiyah secara berterusan dan hendaklah tidak memikirkan atau melakukan perkara lain selain bertaibiyah.

### **11. Waktu Bertaibiyah**

Mengucapkan kalimat talbiyah dimulakan setelah seseorang berniat ihram sehingga melontar jamrah Aqabah pada hari Nahar. Waktu talbiyah ini bermula jika dia berniat ihram melakukan umrah maka waktu talbiyahnya adalah mulai dari ihram sehingga tawaf. Demikian dikatakan oleh al-Thauri, al-Syafie dan Abu Hanifah dan sebahagian besar fuqaha lainnya. Pandangan ini berdasarkan pada sebuah riwayat yang menyatakan bahawa Nabi shallallahu alaihi wasallam terus menerus mengucapkan kalimat talbiyah sehingga baginda melontar jamrah. (HR Ahmad)

### **12. Keutamaan Talbiyah**

Sebilangan sunnah Nabi shallallahu alaihi wasallam menyatakan bahawa talbiyah mempunyai keutamaan yang agung, seperti dapat menghapuskan kesalahan dan dosa, membawa keampunan dan orang yang yang mengucapkannya akan dibalas dengan syurga.

Diriwayatkan dari Jabir bahawa Rasulullah shallallahu alaihi wasallam bersabda, *“Sesiapa sahaja yang berihram, kemudian bertaibiyah dari pagi sehingga matahari terbenam, maka dosanya akan lenyap seperti baru pertama kali dilahirkan oleh ibunya”*.

(HR Ibnu Majah dan Ahmad).

Diriwayatkan daripada Sahl bin Said, bahawa Nabi shallallahu alaihi wasallam bersabda, bermaksud: “*Tiadalah seorang Islam bertalbiyah kecuali sama dengannya, yang di sebelah kanan dan kiri, daripada batu, pohon kayu atau tanah liat, sehingga terputus jarak bumi dari sini ke sini dan dari sini ke sini (dari kanan dan kirinya).*”

Diriwayatkan juga dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah shallallahu alaihi wasallam bersabda, “*Tidak seorang pun orang yang bertalbiyah kecuali akan diberi berita gembira dan tidak juga seorang pun orang yang bertakbir kecuali akan diberi berita gembira.*” Salah seorang sahabat lalu bertanya, “Wahai Nabi Allah, apakah berita gembira itu berupa syurga?” Baginda menjawab , “Ya.” (HR al-Tabrani)

Sunat seorang yang berihram itu berselawat atas Nabi shallallahu alaihi wasallam selepas talbiyah, mohon kepada Allah subhanahu wa ta’ala keredhaan-Nya dan mohon dijauhkan daripada neraka. Kemudian dia berdoa mengikut apa yang dia suka untuk dirinya dan orang yang dia suka. Sunat dia membanyakkan talbiyah ketika berdiri, duduk, menaiki kenderaan dan berjalan.

### **13. Menguatkan Suara Semasa Bertalbiyah**

Sebagaimana yang diketahui, kaum wanita tidak digalakkan meninggikan suara ketika bertalbiyah, tetapi memadai dia sahaja memadai dia sahaja mendengarnya. Jika dia meninggikan suaranya hukumnya makruh dan tidak haram. Sunat mengulangi talbiyah dengan banyak kali. Dilakukannya berterusan tanpa diputuskannya dengan percakapan yang lain. Jika dia diberi salam, hendaklah dia jawab seperti nas Imam al-Syafie dan sahabat-sahabatnya. Makruh diberi salam kepadanya dalam keadaan ini. Jika dia lihat sesuatu yang menakjubkan, mengikut sunnah dia menyebut;

**لبيك إن العيش عيش الآخرة**

“*Ya Allah, aku menyahut seruan-Mu, sesungguhnya kehidupan yang sebenar ialah kehidupan di akhirat*”.

Sesiapa yang tidak elok talbiyahnya dalam bahasa Arab, hendaklah dia bertalbiyah dengan bahasanya sendiri. Waktu talbiyah bermula ketika mula ihram dan sayugia hingga selesai tahalul.

### **14. Penutup**

Perlaksanaan manasik ibadah haji terletak kepada kesempurnaan dalam mengerjakan rukun-rukun haji dan umrah. Oleh Itu, memandangkan ihram adalah rukun pertama dalam rukun haji dan umrah, manakala talbiyah mempunyai hubung-kait dengan ihram dalam amalan manasik haji, maka adalah wajar bagi kita menekankan dan mengambil perhatian utama akan kepentingan memahami rukun pertama ini. Diharap kertas kerja yang ringkas ini dapat memberikan wadah santapan kerohanian dalam memantapkan pengetahuan dan penghayatan manasik ibadat haji sekaligus memberikan penjelasan yang berkesan untuk mendapat haji mabrur yang dijanjikan syurga.

**وَاللهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَهُوَ وَليُ التَّوْفِيقِ**

## Bibliografi

- Abdullah bin Muhammad Alu Syaikh. 2017. *Lubabatut min Tafsir Ibnu Kathir*. Jakarta: Pustaka Imam Syafie.
- Ablah Muhamad al-Kahlawi (Dr). 2013. *Buku Rujukan Haji Umrah untuk Wanita*. Kuala Lumpur: al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Ali Jum'ah (Dr). 2012. *Misteri Ibadah Haji dan Umrah*. Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa.
- Muhammad Athiyah Khumias. 2013. *Fiqh Wanita Tentang Haji*. Kuala Lumpur: Perniagaan Jahabersa.
- Haji Muhammad Nasir/Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir. 2018. *Sunnah-Sunnah Pilihan Haji dan Umrah*. Selangor: Pustaka al-Ehsan.
- Syekh Abdul Rahman al-Jazari. 2011. *Siri Fiqh 4 Mazhab: Kitab Haji*. Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa.
- Syekh Abu Malik Kamal bin As-Sayid Salim. 2013. *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah*. Selangor D.E: Berlian Publications Sdn Bhd.
- Tgk. M Hasbi ash-Shiddieqy. 2009. *Pedoman Haji*. Semarang: PT Pustaka Rizki Putra.
- Zulkifli Khair, Khair Abdul Salam dan Abdul Ghani Jalil. 2010. *501 Soal Jawab Tentang Haji dan Umrah*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Zulhifli Muhammad al-Bakri (Dr). 2015. *Syarh al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-Umrah, Kitab al-Taudhib Panduan Lengkap Ke Arah Kesempurnaan Ibadah Haji dan Umrah*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.